

BORANG PERMOHONAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

PERKARA	BUTIRAN YANG PERLU DIISI DAN DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON		
NAMA KUMPULAN	SPORTS INNOVATION TECHNOLOGY CENTRE UTM		
TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN	1/1/2014		
NAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB	JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)		
KETUA KUMPULAN	NAMA: HADAFI FITRI MOHD LATIP JAWATAN: Pensyarah Kanan (Gred DS51) NO. PEKERJA: 12124 EMEL: hadafifitri@utm.my NO. TEL. BIMBIT: 60125015090		
MAKLUMAT AHLI KUMPULAN <i>(senarai semua nama ahli Kumpulan (sama sepertimana dalam Kad Pengenalan))</i>	NAMA AHLI KUMPULAN	KOD JAWATAN	NO PEKERJA/MATRIK
	JAYSUMAN PUSPPANATHAN	PENSYARAH KANAN	14559
	SAIFUL IZWAN ABD RAZAK	PENSYARAH KANAN	13636
	ADJAH NAQKIAH MAZLAN	PENSYARAH KANAN	15312
	NUR FATIHAH RAIMI	PENSYARAH KANAN	16335
	DIYANA ZULAIKHA	PENSYARAH KANAN	11873
	IZWYN ZULKAPRI	PENSYARAH KANAN	11058
	KAMARUZAMAN B SOEED	PENSYARAH KANAN	11416
	AIZREEA BT AZAMAN	PENSYARAH KANAN	11416
	MUHAMMAD AMIR AS ARI	PENSYARAH KANAN	11257
TAJUK PROJEK YANG DICADANGKAN	INOVASI & TEKNOLOGI SUKAN UTM PENERAJU KECEMERLANGAN SUKAN NEGARA		

BAHAGIAN 2: KRITERIA RUBRIK

	ORIGINALITY / KETULENAN
	LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/LAPORAN-ANUGERAH-INOVASI-PERKHIDMATAN-2024.pdf
1	<p>SITC UTM terdiri dari 10 orang pensyarah yang mempunyai latar belakang merentas bidang dalam UTM seperti kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan biomedikal dan lain lain. Justeru itu, SITC sentiasa membuka pintu untuk bekerja sama dengan pelbagai pihak dan sentiasa berjiwa besar dalam menjalankan amanah yang diberikan untuk menjadi peneraju kecemerlangan sukan di bahagian zon selatan.</p> <p>SITC UTM telah berjaya menghubungkan dan menyatukan kepelbagaian bidang kepakaran yang berlainan di bawah satu bumbung bagi menjalankan kajian inovasi dan teknologi sukan. Status sebagai Pusat Satelit Sukan Negara merupakan satu anjakan UTM dalam menginovasi penyelesaian masalah untuk meletakkan ekosistem sukan negara kepada satu peringkat lebih tinggi terutama menerusi bidang penyelidikan dan inovasi teknologi sukan bertaraf dunia.</p> <p>Pusat Inovasi dan Teknologi Sukan UTM juga mengambil peranan selaku satu satunya pusat kajian tinggi penyelidikan sedia ada di Negeri Johor. Pelbagai inisiatif program sukan yang telah dijalankan bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri Johor dalam program Pembangunan sukan sebagai hub ekonomi utama Negeri Johor. Justeru itu, program yang dijalankan juga selari KPI yang telah di berikan oleh UTM kepada research centre dan paling utama membantu Negara menghasilkan jaguh dunia yang hebat satu hari nanti.</p> <p>FORMULA 4 TKPB di gunakan dalam menjalankan program Pendidikan dan Penyelidikan Sukan untuk atlet negeri Johor dan atlet kebangsaan di dalam UTM. Formula 4 TKPB adalah melibatkan program Terapi dan Rehabilitasi Sukan, Kekuatan dan Suaian Fizikal, Psikologi Sukan dan Biomekanik Sukan. 4 topik ni telah dipilih sebagai formula utama dalam menghasilkan juara sukan utama. Kaedah 4 formula ini telah dijadikan dalam bentuk yang LEBIH HOLISTIK DAN SISTEMATIK BERSAMA APLIKASI TEKNOLOGI DALAM SUKAN</p>



PROBLEM STATEMENT / PENYATAAN PERMASALAHAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/LAPORAN-ANUGERAH-INOVASI-PERKHIDMATAN-2024-1.pdf>

2

Kerajaan Negeri menerusi Johor Masterplan 2030 tekad menjadikan Johor sebagai penjana sukan di rantau ini. Sokongan terhadap sukan di negeri Johor tidak terhenti di situ, malah mendapat restu Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar dimana berkenan untuk mengurniakan tanah seluas 28 hektar pemberian kerajaan negeri untuk dijadikan Bandar Sukan Johor Darul Ta'zim.

Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ), Datuk Ismail Karim yang juga merupakan ahli lembaga pengarah UTM menyatakan Ia (Bandar Sukan JDT) akan menjadi pusat sukan di mana akan ada tempat untuk semua jenis sukan di bawah nama JDT. Terdapat juga kemudahan-kemudahan lain seperti Hotel JDT, Apartment JDT dan Pusat Membeli-belah JDT. Sultan Johor juga turut berkenan memberikan sejumlah dana kepada pasukan JDT untuk membiayai pembinaan stadium baru.

Lokasi stadium itu dipercayai Nusajaya. Walaupun ramai pihak yang mengkritik usaha pemilik JDT, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim, untuk membangunkan pasukan JDT menjadi antara kelab yang disegani di Asia, usaha baginda kini mendatangkan hasil lumayan kepada pasukan selatan tanah air itu. Keberkesanan program sukan JDT juga telah membuahkan pelbagai hasil kemenangan dan kejayaan pasukan negeri Johor.

Sebanyak RM1.52 juta turut disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor bagi pemerkasaan persatuan-persatuan sukan di negeri Johor bagi memastikan pengurusan yang sistematik, selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negeri. Bagi pelaksanaan program GOLD iaitu program pembangunan atlet pelapis negeri untuk memastikan Johor tidak ketandusan atlet pelapis yang berbakat, sejumlah RM2.53 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Johor YB Mohd Hairi Mad Shah juga berhasrat untuk memartabatkan Johor sebagai hab pelancongan sukan, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga Asia Tenggara kerana lokasinya strategik dan berdekatan dengan Singapura dan Indonesia.

Kerajaan negeri ingin menjadikan Johor sebagai hab pelancongan sukan terutamanya selepas menjadi destinasi penganjuran beberapa kejohanan sukan bertaraf antarabangsa. Oleh sebab itu, kewujudan Pusat Inovasi dan Teknologi Sukan UTM adalah merupakan pusat kajian tinggi penyelidikan sukan yang pertama di negeri Johor adalah bertepatan bagi membantu Negeri Johor selaku peneraju kecemerlangan sukan tanahair.

Keberadaan SITC UTM selari hasrat kerajaan Negeri Johor dan mampu menjadi contoh kepada penggiat dan pencinta sukan Tanahair Malaysia serta menjadi asbab kepada kelahiran dan kemenjadian thinking atlet yang berkaliber dan mampu mengharumkan nama universiti, negeri Johor dan Negara sekaligus meningkatkan tahap ekonomi Negara. SITC UTM menyemarakkan ekosistem pendidikan dan penyelidikan sukan di Negeri Johor.

Oleh sebab itu, pembangunan sukan di UTM dan negeri Johor perlu dilaksanakan by design dan bukan by chance. SITC UTM telah menjalankan pelbagai projek bagi membantu atlet UTM, atlet Negeri Johor dan atlet Kebangsaan. Pelbagai persatuan sukan dan kelab sukan telah hadir ke SITC UTM memohon bantuan kepakaran bagi meningkatkan prestasi pemain seperti psikologi sukan, biomekanik sukan, terapi sukan dan kaedah latihan sukan. Jadi SITC UTM telah membantu masalah ini dengan memberi pendekatan secara holistik dan sistematik.

TECHNOLOGY / TEKNOLOGI

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/SITC-TEKNOLOGI-LAB-2024.pdf>

3

SITC UTM telah berjaya diiktiraf sebagai PUSAT SATELIT TEKNOLOGI SUKAN NEGARA dan juga PUSAT SATELIT DRON NEGARA pada tahun 2023. Malahan SITC muncul pemenang ANUGERAH INOVASI & TEKNOLOGI SUKAN NEGARA 2023. Ia merupakan satu anjakan UTM dalam menginovasi penyelesaian masalah untuk meletakkan ekosistem sukan negara kepada satu peringkat lebih tinggi terutama menerusi bidang penyelidikan dan inovasi sukan bertaraf dunia. Sekaligus memenuhi pencapaian SP iaitu melalui QUADRUPLE HELIX dan aplikasi teknologi sukan.

FORMULA 4TKPB adalah merupakan modul program sukan baru yang telah di bina bagi memudahkan proses program sains sukan di jalankan kepada atlet dan pasukan. Ia disusun secara sistematik dan tersusun agar atlet atau pasukan yang datang berjumpa saintis sukan jelas dan faham tujuan program dijalankan dan bagaimana ia memberi kesan kepada permainan sukan semasa pertandingan.

Kerap kali apabila pasukan bertemu saintis sukan, mereka terpingga-pingga seakan tiada hala tuju dan tidak tahu apa tujuan di jalankan ujian sains sukan tersebut kepada tubuh badan mereka. Formula 4TKPB juga menerapkan unsur pendidikan dalam program sukan di mana atlet dan pasukan akan memahami secara jelas melalui pendidikan yang diberikan semasa proses program sukan berjalan.



	<p>Dari berpuluh subjek sukan yang ada, ia telah di ringkas kan melalui 4 subjek yang utama dan penting untuk tujuan analisis prestasi sukan. Setiap kali, temu janji dari pihak industri seperti persatuan sukan yang datang, mereka akan diberi penerangan tentang 4 program utama ini. Pelbagai jenis sukan memerlukan 4 perkara ini dalam memastikan kejayaan dalam sukan masing masing bersama aplikasi teknologi sukan.</p> <p>Analisis prestasi sukan juga digunakan untuk merumuskan perancangan strategik dengan memanfaatkan data prestasi masa lalu dan semasa untuk mengenal pasti kawasan di mana pemnambahbaikan diperlukan dan di mana strategi yang berkesan boleh digunakan. Dengan demikian, analisis prestasi sukan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi dan mencapai matlamat yang ditetapkan dalam kejohanan dan pertandingan sukan.</p>
4	<p>APPLICABILITY / APLIKASI</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/SITC-APLIKASI-2024.pdf</p> <p>Program ini telah membuahkan pelbagai jenis kejayaan di mana kedatangan pelbagai jenis sukan ke Pusat Inovasi dan Teknologi Sukan untuk mendapatkan khidmat bantuan kepakaran sukan. Malahan atlet dan pasukan yang hadir berjaya memperolehi emas dan kejayaan dalam sukan yang disertai. Inovasi yang dilakukan adalah Pembangunan FORMULA 4TKPB yang dijalankan secara sistematik dan tersusun bersama aplikasi teknologi sukan.</p> <p>Pasti untuk mendapatkan formula seperti ini bukan satu jalan yang mudah, di mana pelbagai jenis faktor dan risiko telah di cerakin sepanjang menjalankan program sukan. Banyak faktor juga mempengaruhi proses keberkesanan program seperti jumlah staff yang cukup, jumlah bajet kewangan yang cukup, jumlah alatan yang cukup dan pelbagai jenis lagi. Setiap kali program dijalankan memerlukan persiapan dan persediaan yang rapi bagi memastikan program berjalan lancar.</p> <p>Atas faktor itu, formula ini dicipta bagi memastikan kelancaran program Pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan sains sukan dimana ia tidak memerlukan bajet yang besar, jumlah staff yang besar, jumlah alatan yang besar untuk menjalankan projek ini. Formula ini membantu memudahkan proses program dijalankan dan kedua belah pihak berpuas hati dengan Keputusan yang telah dikeluarkan.</p> <p>Keberkesanan inovasi adalah aspek yang sangat penting dalam pertumbuhan dan keberlanjutan organisasi dalam ekonomi yang berubah dengan cepat hari ini. Dengan memberikan penekanan yang kuat pada inovasi yang berkesan, organisasi dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih baik yang memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan. Ini membolehkan mereka untuk berkembang dan berjaya dalam persekitaran yang semakin kompleks dan dinamik.</p> <p>Selain itu, inovasi yang berjaya membolehkan organisasi meningkatkan proses dalaman mereka, meningkatkan produktiviti, dan mencipta keunggulan kompetitif yang memastikan kedudukan yang kukuh di pasaran. Dengan memberi tumpuan kepada inovasi, organisasi dapat memastikan bahawa mereka sentiasa relevan dalam pasaran yang berubah dengan cepat dan dapat menangani cabaran-cabaran baru dengan cara yang kreatif dan berkesan.</p>
5	<p>INNOVATIVENESS / INOVASI</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/SITC-UTM-2024.pdf</p> <p>Inovasi untuk meningkatkan pendidikan dan penyelidikan dalam sukan seperti yang di jalankan oleh Negara Maju.</p> <p>Inovasi untuk memperkasakan kajian dan analisis saintifik sukan di Malaysia demi kejayaan sukan Negara.</p> <p>Inovasi untuk melahirkan warga sukan yang holistik serta berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.</p> <p>Inovasi untuk mewujudkan persekitaran positif yang membina jati diri rakyat Malaysia melalui aktiviti dan program sukan.</p> <p>Inovasi membawa nama UTM dalam NEGERI JOHOR di bahagian zon selatan selaku peneraju kecemerlangan sukan yang kompetitif.</p> <p>Inovasi untuk mewujudkan kualiti hidup dan kesihatan mental kepada masyarakat umum dan komuniti melalui sukan.</p> <p>Inovasi untuk menyokong hasrat Kerajaan Negeri Johor agar menjadi kuasa sukan tanahair di Malaysia.</p>
6	<p>IMPACT / KESAN</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/SITC-UTM-2024-1.pdf</p> <p>Permulaan PUSAT INOVASI DAN TEKNOLOGI SUKAN di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru (UTM) asal pangkalnya adalah daripada minat dan semangat yang semakin berkembang di kalangan rakyat negeri Johor terhadap amalan bersukan dan kesihatan. Pengiktirafan terhadap kepentingan</p>



menggalakkan kesejahteraan fizikal, ketahanan mental, dan transformasi pendigitalan negara menjadikan penubuhan pusat kajian tinggi ini sangat penting.

Penubuhan PUSAT INOVASI DAN TEKNOLOGI SUKAN UTM bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif di kalangan masyarakat umum. Sukan, sebagai medium kecergasan dan kesihatan menyeluruh, memberikan sumbangan bukan sahaja kepada kecergasan fizikal tetapi juga meningkatkan kecerdasan mental. Penubuhan pusat kajian tinggi ini akan menjadi saluran berharga untuk memperkasakan sukan, menggalakkan kesejahteraan, meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan kepada masyarakat umum.

PUSAT INOVASI DAN TEKNOLOGI SUKAN UTM berusaha untuk meningkat ekonomi negara melalui pendidikan dan penyelidikan sukan kepada masyarakat umum untuk mengembangkan potensi kecergasan fizikal dan kecerdasan mental individu. Melalui program latihan secara sistematik dan tersasar, ia dapat membantu hasrat kerajaan Negeri Johor untuk menjadi kuasa sukan di Malaysia dan hub utama antarabangsa di bahagian zon selatan.

Kewujudan SITC UTM, pusat kajian tinggi ini akan memupuk rasa kebersamaan quadruple helix diantara kerajaan, universiti, industri, dan komuniti serta kerjasama erat diantara 4 pemegang taruh ini akan melonjakkan prestasi sukan negara dimana kita masih ketandusan kejayaan sukan negara seperti emas olimpik pertama dan layak ke world cup bolasepak dunia. Ia menjadi penanda aras kejayaan sukan di peringkat antarabangsa. Sukan bukan sahaja tentang prestasi akan tetapi penghubung utama perpaduan bangsa dan negara.

Kejayaan industri sukan di luar negara adalah kerjasama erat bersama universiti menghasilkan produk yang berkualiti untuk dijual keseluruh dunia. Kejayaan itu jelas menunjukkan pelan strategik yang sistematik dan tersasar akan menghasilkan kejayaan optimum kerana menggabungkan kepakaran universiti dan industri. Pusat Kajian Tinggi ini akan menyumbang kepada landskap budaya dan bangsa johor spesifik kepada kepakaran bidang sukan di mana ia menyatukan pelbagai kebolehan fakulti yang pelbagai di dalam UTM, untuk meningkatkan keupayaan sukan negara dan menaiktaraf kejayaan sukan negara.

TEAMWORK / KERJASAMA PASUKAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/SITC-UTM-2024-2.pdf>

7

Di bawah SITC UTM, setiap bidang bersatu dalam menjalankan kajian berkaitan sukan dengan mempunyai matlamat dan objektif yang jelas iaitu melahirkan jaguh sukan negara dan membantu meningkatkan prestasi sukan negara melalui aplikasi inovasi dan teknologi sukan. SITC UTM telah berjaya menghubungkan dan menyatukan kepelbagaian bidang kepakaran yang berlainan di bangunan V01, fakulti kejuruteraan. Status sebagai Pusat Satelit Sukan Negara merupakan satu anjakan UTM dalam menginovasi penyelesaian masalah untuk meletakkan ekosistem sukan negara kepada satu peringkat lebih tinggi terutama menerusi bidang penyelidikan dan inovasi sukan bertaraf dunia.

POTENTIAL MARKET / KEBOLEHPASARAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/BADMINTON-ASIA-FEDERATION.pdf>

8

Tujuan utama menjalankan program yang relevan pada masa kini adalah untuk memastikan SITC UTM tetap relevan dan bersaing di pasaran yang dinamik. Dengan mengutamakan program yang relevan, SITC UTM dapat memenuhi keperluan serta harapan pelanggan yang berubah-ubah dan terus mengikuti trend dan kehendak semasa serta mencapai kebolehpasaran.

Selain itu, pelaksanaan program yang mempunyai ciri kebolehpasaran juga membolehkan SITC UTM menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi terkini serta memaksimumkan efisiensi operasi untuk mencapai pertumbuhan dan keunggulan bersaing yang berkekalan. Sudah pasti program yang dijalankan ini relevan dan mengikut arus semasa. Aplikasi teknologi sukan digunapakai bagi memudahkan proses pendidikan dan penyelidikan dijalankan.

Seterusnya, seringkali kita dengar dalam perkhidmatan kini, ramai pihak ingin mendapatkan keputusan yang segera tanpa menunggu tempoh yang terlalu lama untuk menunggu hasil keputusan. Justeru itu, program yang dijalankan ini tidak mengambil tempoh yang lama sehingga membebankan pengguna dan pelanggan perkhidmatan yang dijalankan. Maklumbalas segera akan diberikan dan hasil keputusan yang dikeluarkan adalah dalam bentuk yang lebih kepada atlet dan pasukan untuk kemajuan diri.

Program yang relevan pada masa kini adalah sangat penting dalam memastikan kejayaan SITC UTM dalam persekitaran perniagaan yang dinamik. Pelaksanaan program yang relevan, SITC UTM dapat memenuhi keperluan serta jangkaan pelanggan yang berubah dengan cepat. Ini membantu memastikan kepuasan pelanggan dan mempertahankan harga perkhidmatan yang stabil. Projek ini dijalankan bersama pemain utama industri sukan tanahair seperti Akademi JDT, Majlis Sukan Negeri Johor, Institut Sukan Negara dan Pelbagai Persatuan Sukan.

Selain itu, program yang relevan juga membolehkan SITC UTM selaku pusat penyelidikan sukan utama di bahagian Selatan tanahair Negara untuk mengekalkan daya saing dalam industri dengan mengikuti trend terkini dan menggunakan teknologi serta kaedah yang baru. Dengan demikian, program yang relevan membantu SITC UTM dalam pasaran yang sentiasa berubah dan memastikan pertumbuhan jangka panjang. Program SITC UTM memenuhi SDG 3 iaitu Good Health and Wellbeing, dimana Masyarakat yang sihat meningkatkan produktiviti negara dan mengurangkan kos Kesihatan akibat penyakit.

COMMERCIALIZATION PLAN / PERANCANGAN PENGKOMERSILAN	
LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/SIJIL-PROFESSIONAL-TEKNOLOGI-SUKAN-NEGARA.pdf	
9	<p>Kaedah yang digunapakai adalah merupakan win win situation di mana kedua dua belah pihak mendapat manfaat secara bersama, kos untuk melaksanakan program tersebut tidak terlalu tinggi dan tidak membebankan kepada pengguna. Secara tidak langsung, aktiviti saintifik sukan yang dijalankan dapat diperluaskan dan disebarikan ke seluruh pelusuk Masyarakat umum di Malaysia. Ia adalah merupakan fundamental asas dalam kehidupan apabila program berbentuk Pendidikan dapat mencapai ke semua pihak tanpa ada batasan dan kelas. Kos sebenar kepakaran program berjaya dikurangkan apabila menggunakan modul tersebut.</p> <p>Kepentingan yang nyata adalah berjaya melahirkan jaguh atlet negeri Johor dan Malaysia kerana berjaya memperolehi pelbagai pingat dalam sukan yang diceburi. Ia adalah merupakan 1 alternatif saintifik sukan yang menawarkan kejayaan dalam bidang sukan. Atlet dan Pasukan di bantu dari sudut terapi dan rehabilitasi sukan, Latihan kekuatan dan suaian fizikal sukan, psikologi sukan, biomekanik sukan dan teknologi sukan. Ia bersesuaian dengan peranan selaku pusat satelit kebangsaan di bahagian Selatan dibawah pemantauan Institut Sukan Negara.</p>

BAHAGIAN 3 : ISES ELEMENT / ELEMEN ISES

INTEGRITY / INTEGRITI	
LAMPIRAN :	
1	<p>ISES adalah satu konotasi nilai teras untuk semua warga UTM untuk dijadikan budaya organisasi, bagi memastikan institusi UTM bukan sahaja mampu melahirkan modal insan dan ilmuwan berkualiti, malah memiliki keperibadian murni serta integriti. Nilai teras yang digarap khas ini perlu diterap serta diamalkan oleh warga UTM iaitu Integrity (Integriti), Synergy (Sinergi), Excellence (Kecemerlangan) dan Sustainability (Kelestarian) atau dikenali sebagai ISES.</p> <p>Integriti, Sinergi, Kecemerlangan, dan Kelestarian adalah empat nilai teras yang penting tidak hanya untuk warga UTM tetapi juga dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam bidang sukan. Sebagai contoh, Integriti dalam sukan merujuk kepada kejujuran, keadilan, dan etika yang tinggi dalam setiap aspek permainan dalam sukan. ISES yang dijalankan oleh pihak PUSAT INOVASI TEKNOLOGI SUKAN UTM juga turut disuntik bersama aplikasi teknologi sukan.</p> <p>Sinergi dalam sukan pula merujuk kepada kerjasama pelbagai pihak dalam memastikan kejayaan bersama. Sebagai contoh, kerjasama antara ahli pasukan, jurulatih, pengurus, dan penyokong untuk memastikan kejayaan pasukan. Jika di luar negara sinergi antara Universiti dan Industri dimanfaatkan dan membuahkan kejayaan seperti pasukan Liverpool FC dan Universiti Liverpool John Moores.</p> <p>Maka tidak hairan jika UTM turut bekerjasama dengan pasukan JDT FC dimana pemeteraian MOU telahpun dilaksanakan. Kecemerlangan dalam sukan melibatkan komitmen semua pihak untuk mencapai tahap prestasi yang tertinggi serta aplikasi teknologi sukan. Kelestarian dalam sukan merujuk kepada pengurusan sumber bahan dengan bijak untuk memastikan ia berterusan dan boleh digunakan dalam jangka masa panjang.</p> <p>Penerapan nilai-nilai ini dalam sukan, warga UTM dan semua yang terlibat dalam arena sukan dapat membina persekitaran yang positif dan berdaya tahan, serta membawa manfaat kepada semua pihak dalam jangka masa panjang. Ia sebagai panduan utama agar tidak terpesong dari landasan sebenar. Jika terbabas jatuh, maka daki semula mengikut landasan yang betul.</p> <p>UTM adalah peneraju dan pelopor kepada aplikasi teknologi dan kejuruteraan di Malaysia, maka dengan itu SITC UTM menjadi pusat kajian pertama di negeri Johor yang mengaplikasikan inovasi dan teknologi dalam sukan. Secara tidak langsung, SITC UTM membantu Negara menangani krisis ketandusan kejayaan sukan di peringkat dunia seperti Olimpik, Piala Dunia, Piala Thomas dan pengganti lagenda sukan negara. Akhir kata, dengan hikmah kita teroka, KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA.</p>

BAHAGIAN 4 : INNOVATION CONTRIBUTION MATRIX / MATRIK SUMBANGAN INOVAS

IMPROVEMENT OF PROCESS / PENAMBAHBAIKAN PROSES			
1	<table border="1"> <tr> <td style="text-align: center; vertical-align: middle;">INTERNATIONAL LEVEL</td> <td>Program yang dijalankan oleh SITC UTM berjaya tembus ke tahap antarabangsa seperti Badminton Asia Federation dan Anugerah Teknologi Negara 2023.</td> </tr> </table>	INTERNATIONAL LEVEL	Program yang dijalankan oleh SITC UTM berjaya tembus ke tahap antarabangsa seperti Badminton Asia Federation dan Anugerah Teknologi Negara 2023.
INTERNATIONAL LEVEL	Program yang dijalankan oleh SITC UTM berjaya tembus ke tahap antarabangsa seperti Badminton Asia Federation dan Anugerah Teknologi Negara 2023.		
IMPROVEMENT OF INCOME GENERATION / PENINGKATAN PENDAPATAN			
2			

	STATE LEVEL	Pendapatan yang dijana hasil daripada program masih di peringkat negeri dan menggunakan kaedah in kind. Program yang melibatkan pasukan kebangsaan adalah menggunakan strategi perkhidmatan percuma pada peringkat awalan untuk marketing sebelum establish sbg pusat kajian tinggi sukan yang terkenal.
3	IMPROVEMENT OF WELL- BEING / PENINGKATAN KESEJAHTERAAN	
	NATIONAL LEVEL	Memenuhi SDG 3, mementingkan kesejahteraan dan kesihatan dalam kehidupan melalui program sukan yang dijalankan.
4	IMPROVEMENT OF SOCIO - ECONOMIC / PENINGKATAN SOSIO EKONOMI	
	INTERNATIONAL LEVEL	Jika sukan kita kuat dan atlet kita berjaya secara tidak langsung meningkatkan socio ekonomi negara. SITC telah berjaya membantu atlet kebangsaan berjaya di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa

PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN
PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
(Diisi oleh pemilik utama projek)

 Nama: Prof Dr Mohd Shahrizal Sunar
 Email: shahrizal@utm.my
 Tandatangani & cop:
 (Ketua PTJ)

Tarikh:

PERAKUAN PERMOHONAN

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak BPO berhak menolak permohonan pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.

 Nama: HADAFI FITRI MOHD LATIP
 Email: hadafifitri@utm.my
 Tandatangani & cop:
 (Ketua Kumpulan)

Tarikh: 4/29/2024